

Telephone: Brunei Students Unit  
(020 7402 0045)  
Brunei Hall  
(020 7402 0953)  
Fax: 020 7262 8406  
Website: [www.upp.org.uk](http://www.upp.org.uk)  
Email: [admin@upp.org.uk](mailto:admin@upp.org.uk)



أونيويت فنونتا وقتا بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT  
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM  
35 – 43 Norfolk Square  
London W2 1RX

## SURAT PEMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT BILANGAN 14/2018

**Kepada: Semua pelajar-pelajar dibawah  
Basiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama**

### PERMOHONAN UNTUK MENINGGI TAHAP PENGAJIAN SESI 2018/ 2019 BAGI PELAJAR-PELAJAR TAHUN AKHIR DIBAWAH BIASISWA KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Dengan hormat Surat Tawaran Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bilangan: JPI/PK4(C)UB/06/2013 bertarikh: 20 Jamadilawal 1439H bersamaan 07 Februari 2018 (diterima UPP pada 20 March 2018) sukacita dirujuk.

2. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa **tawaran adalah dibukakan kepada pelajar-pelajar Tahun Akhir dibawah Basiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama** yang sedang mengikuti pengajian di seluruh United Kingdom dan Ireland yang berhasrat untuk **meninggi tahap pengajian** masing-masing ke peringkat Ijazah Sarjana Lanjutan (Masters dan PhD) serta ikhtisas sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di luar negeri bagi **sesi akademik 2018/ 2019**.

3. Untuk makluman pelajar-pelajar, borang permohonan (**Borang A**) bagi **permohonan Ijazah Masters / PhD** hendaklah di hadapkan secara **'hard copy (scanned)'** dan **'soft copy (Ms Word)'** berserta dokumen-dokumen yang diperlukan kepada **Unit Penuntut-Penuntut** melalui emel kepada [academic@upp.org.uk](mailto:academic@upp.org.uk) selewat-lewatnya pada **30 Jun 2018** atau boleh dimuat turun melalui laman sesawang: [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn)

4. Penuntut-penuntut adalah ditekankan untuk **meneliti syarat-syarat permohonan terlebih dahulu dan memastikan borang yang dihantar adalah lengkap dengan salinan dokumen berkaitan** disertakan bersama.

5. **Unit Penuntut-Penuntut tidak akan bertanggungjawab sekiranya borang-borang yang kurang lengkap tidak diterima** atau disahkan oleh Jabatan Pengajian Islam.

6. Syarat-syarat dan borang *hardcopy* serta *softcopy* disertakan bersama pemakluman ini (link).

Sekian disampaikan untuk makluman dan perhatian para penuntut mengenainya.

***“Keluargaku, Harapanku “***

Wassalam



**Irmawati Binti Haji Ahmad**  
Pengarah Pengajian  
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5 Part XIV

Tarikh: 15 Sya'ban 1439H/ 01 Mei 2018